

**Mempertabatkan Karya & Sastera Tempatan**  
**Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister**  
**zahidhamidi.com**  
**Januari 26, 2017**

Semasa Majlis Penyampaian Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (2015) pada minggu lepas, saya telah menyatakan bahawa kejayaan Kumpulan Utusan meneruskan anugerah ini secara konsisten merupakan satu usaha yang sangat membanggakan. Walaupun banyak persaingan bagi menganjurkan pertandingan dalam bidang kesusasteraan, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan ini telah bertahan begitu lama hingga ke hari ini.

Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) telah memasuki tahun yang ke-31 bermula pada tahun 1985. Inisiatif ini diambil untuk mengembangkan kesusasteraan Melayu dan memartabatkan tamadun bangsa. Pengiktirafannya pula adalah untuk memberi semangat kepada para karyawan dan melahirkan penulis baru dalam menghasilkan karya-karya berkualiti.

HSKU 2015 terbahagi kepada beberapa kategori. Di antaranya ialah kategori Novel Remaja, Cerpen, Cerpen Remaja, Puisi, Rencana Sastera dan Kajian Sastera. Pemenang-pemenangnya pula ditentukan oleh panel hakim yang akan menilai karya-karya tersebut.

Realitinya, setiap karya sastera yang dihasilkan mesti mencerminkan keseimbangan antara daya pemikiran dan kerohanian. Manakala nilai-nilai seni dan metafizika seharusnya diletakkan dalam acuan yang mendorong manusia menuju ke arah untuk menjadi insan kamil atau sempurna. Sebagai insan yang kamil, kita harus melakukan keseimbangan dalam apa jua aspek yang kita ceburi.

Pengiktirafan terhadap karya-karya agung di Nusantara dan rantau-rantau lain menunjukkan seni masih mendapat tempat dalam era kecanggihan sains dan teknologi. Tetapi tiada salahnya jika era kemodenan ini digunapakai untuk menarik lebih ramai lagi pihak.

Dengan arus kemodenan dan pengaruh media sosial yang berleluasa masa kini seperti Facebook, Instagram, Twitter dan pelbagai aplikasi moden yang lain, maka tidak mustahil karya sastera boleh diterbitkan dalam bentuk digital agar dapat menarik minat golongan muda yang begitu terpengaruh dengan gajet dan alam siber ini.

Karya sastera yang menerima pengiktirafan pula wajar diterjemahkan dalam pelbagai bahasa sebagai usaha proaktif mengantarabangsakan karya penulis tempatan.

Inisiatif ini adalah antara saranan kerajaan bagi mengangkat martabat dunia kesusasteraan, sekali gus menyumbang industri penulisan negara. Penterjemahan karya bukan hanya dipertanggungjawabkan kepada Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM), sebaliknya perlu dipikul bersama individu yang memiliki kepakaran dalam nilai seni bahasa.

Lihatlah karyawan dari negara tidak tersohor, selepas diantarabangsakan dan menerima pengiktirafan dunia, akhirnya ia menjadi karya agung. Usaha mengantarabangsakan karya tempatan boleh dilaksanakan secara kolaborasi antara pelbagai organisasi di negara ini.

Saya turut menyarankan karyawan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi membolehkan karya yang terbaik dijadikan teks wajib bagi mata pelajaran Sastera atau mata pelajaran yang relevan. Karya yang menjadi teks wajib itu mungkin boleh digantikan dengan karya baharu setiap tiga atau empat tahun. Karya-karya pemenang HSKU boleh diketengahkan sebagai teks sastera wajib di sekolah.

Kementerian Kewangan pula diharapkan dapat memberikan insentif dalam bentuk pengurangan cukai kepada syarikat antarabangsa yang terbabit dengan penghasilan dan pengiktirafan karya sastera tempatan. Masyarakat juga diharap akan memberikan pengiktirafan lebih tinggi kepada hasil karya sastera bagi mengangkat martabat dan nilai sesuatu karya.

Harapan saya agar lebih banyak lagi syarikat swasta terutama yang bertaraf MNC dapat menjadikan sastera sebagai salah satu daripada program khidmat masyarakat mereka serta menjalinkan usahasama seperti ini dalam usaha menyegarkan perkembangan bahasa Melayu khususnya sastera di rantau ini.

Penglibatan syarikat swasta dalam penganjuran sayembara sastera ini diharap tiada noktahnya. Saya percaya untuk melihat sesuatu program itu bertahan selama 31 tahun seperti Hadiah Sastera ini bukanlah satu kerja yang mudah, memandangkan untuk mengendalikannya sudah tentu melibatkan kewangan yang besar.

Di samping memikirkan keuntungan dan prestasi kewangan, sumbangan kepada masyarakat juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak syarikat.

**©2017 Copyright Reserved zahidhamidi.com, Blog at WordPress.com.**

Source: <https://zahidhamidi.com/459-2/>